

VIAGRA® TABLETS

Sildenafil Citrate (50 mg, 100 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VIAGRA
2. Bagaimana VIAGRA berfungsi
3. Sebelum menggunakan VIAGRA
4. Cara menggunakan VIAGRA
5. Semasa menggunakan VIAGRA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VIAGRA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan VIAGRA

VIAGRA adalah rawatan untuk lelaki yang mengalami disfungsi erektile atau kadangkala dikenali sebagai mati pucuk. Masalah ini berlaku apabila seseorang lelaki tidak boleh mencapai atau mengekalkan zakar yang keras dan tegang untuk aktiviti seks.

Bagaimana VIAGRA berfungsi

VIAGRA mengandungi bahan aktif sildenafil yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil perencat fosfodiesterase jenis 5. Ia berfungsi dengan membantu mengendurkan saluran darah dalam zakar anda bagi membolehkan darah mengalir ke dalam zakar apabila anda mengalami rangsangan seksual. VIAGRA hanya dapat membantu anda mencapai ketegangan zakar sekiranya anda terangsang secara seksual.

Sebelum menggunakan VIAGRA

Bila tidak boleh menggunakan

- Sekiranya anda mengambil ubat yang mengandungi nitrat, nitrit atau penderma nitrik oksida.

- Sekiranya anda alah (hipersensitif) kepada sildenafil atau mana-mana ramuan dalam VIAGRA.
- Sekiranya anda sedang mengambil riociguat. Ubat ini digunakan untuk merawat hipertensi arteri pulmonari (iaitu tekanan darah tinggi dalam paru-paru) dan hipertensi pulmonari tromboembolik kronik (iaitu tekanan darah tinggi dalam paru-paru yang disebabkan oleh darah beku).

Mengandung dan menyusukan anak

VIAGRA tidak boleh digunakan oleh wanita. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan VIAGRA

Sila beritahu doktor anda

- Jika anda menghidap anemia sel sabit (keadaan sel darah merah yang tidak normal), leukemia (kanser sel darah), mieloma berbilang (kanser sumsum tulang) atau sebarang penyakit atau kecacatan zakar. Keadaan-keadaan perubatan ini mungkin memerlukan perhatian khas apabila mengambil ubat untuk mati pucuk.
- Jika anda menghidap masalah jantung. Doktor anda seharusnya memeriksa dengan teliti sama ada jantung anda boleh menanggung beban tambahan ketika melakukan hubungan seks.
- Jika anda mengalami halangan dalam ruang pengepaman jantung anda.
- Jika anda baru-baru ini menghidap ulser perut atau gangguan pendarahan (contohnya hemofilia).
- Jika anda mengalami atau pernah mengalami

pengurangan atau kehilangan penglihatan secara tiba-tiba disebabkan gangguan pengaliran darah kepada saraf mata, atau keadaan yang juga dikenali sebagai Neuropati Optik Iskemik Anterior Bukan Arteritis (NAION).

- Jika anda mengalami tekanan darah rendah semasa berehat.
- Jika anda menghidap penyakit mata degeneratif yang diwarisi dan jarang berlaku (*retinitis pigmentosa*).
- Jika anda sedang mengambil sebarang rawatan lain untuk mati pucuk.
- Jika anda mengalami masalah buah pinggang atau hati. Doktor anda mungkin akan memberikan dos yang lebih rendah kepada anda.

Pertimbangan khas untuk kanak-kanak:

VIAGRA tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Tablet VIAGRA mungkin mengganggu tindakan sesetengah ubat lain. Sekiranya berlaku kecemasan perubatan, anda hendaklah memberitahu orang yang merawat anda bahawa anda mengambil VIAGRA. Jangan ambil VIAGRA dengan ubat-ubat lain melainkan doktor anda membenarkan anda mengambilnya. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil, baru-baru ini telah mengambil atau mungkin akan mengambil ubat-ubat lain, terutamanya yang berikut:

VIAGRA® TABLETS

Sildenafil Citrate (50 mg, 100 mg)

- Ubat-ubat yang mengandungi nitrat, nitrit dan penderma nitrik oksida. Gabungan ubat-ubat ini dan VIAGRA boleh menyebabkan tekanan darah rendah.
- Perencat protease, contohnya ritonavir dan saquinavir yang digunakan untuk rawatan HIV. Doktor anda mungkin memulakan anda pada dos VIAGRA yang paling rendah (25 mg).
- Terapi perencat alfa (contohnya doxazosin) untuk rawatan tekanan darah tinggi atau masalah prostat. Gabungan kedua-dua ubat ini boleh menyebabkan simptom-simptom pening atau rasa pitam ketika berdiri.
- Ketoconazole yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat.
- Erythromycin dan rifampicin yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria.
- Cimetidine yang digunakan untuk merawat dan mencegah jenis-jenis ulser yang tertentu.
- Bosentan dan riociguat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

Penggunaan VIAGRA dengan makanan dan minuman

Apabila VIAGRA diambil dengan makanan tinggi lemak, ia mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk Viagra memberikan kesannya.

Cara menggunakan VIAGRA

- *Berapa banyak harus digunakan*

Sentiasa ambil VIAGRA mengikut arahan doktor anda. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

Dos biasa ialah 50 mg. Dos harian maksimum yang disyorkan ialah 100 mg manakala dos minimum ialah 25 mg.

VIAGRA hanya dapat membantu anda mencapai ketegangan zakar sekiranya anda terangsang secara seksual. Jumlah masa yang diambil oleh VIAGRA untuk memberikan kesannya adalah berbeza-beza mengikut individu. Anda tidak boleh menggunakan VIAGRA lebih daripada sekali sehari.

Bila perlu digunakan

Ambil VIAGRA lebih kurang satu jam sebelum melakukan aktiviti seks. Telan tablet sepenuhnya dengan sedikit air.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan VIAGRA untuk tempoh masa yang disyorkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Dos melebihi 100 mg tidak meningkatkan keberkesanan ubat ini. Walau

bagaimanapun, ia akan mengakibatkan peningkatan dalam kesan-kesan tidak diingini dan keterukan mereka.

Anda tidak boleh menggunakan lebih banyak tablet daripada jumlah yang diarahkan oleh doktor anda.

Sila hubungi doktor anda sekiranya anda mengambil lebih banyak tablet daripada yang sepatutnya anda ambil.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan produk ini, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan VIAGRA

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda tepat mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil VIAGRA.

Sekiranya VIAGRA tidak membantu anda untuk mencapai ketegangan zakar, atau jika ketegangan zakar anda tidak berterusan dengan secukupnya untuk membolehkan anda melakukan hubungan seksual dengan sepenuhnya, sila maklumkan kepada doktor anda.

Sekiranya anda beranggapan bahawa kesan VIAGRA adalah terlalu kuat atau terlalu lemah, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

VIAGRA® TABLETS

Sildenafil Citrate (50 mg, 100 mg)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi VIAGRA kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Meminum alkohol boleh melemahkan keupayaan untuk mencapai ketegangan zakar buat sementara waktu. Bagi membolehkan anda mendapat manfaat maksimum daripada penggunaan ubat ini, anda dinasihatkan supaya tidak meminum alkohol dalam kuantiti yang banyak sebelum mengambil VIAGRA.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Kesan VIAGRA terhadap keupayaan memandu dan menggunakan jentera masih belum dikaji.

VIAGRA boleh menyebabkan pening dan mengganggu penglihatan. Anda harus menyedari bagaimana anda bertindak balas kepada VIAGRA sebelum anda memandu atau menggunakan jentera.

Kesan-kesan sampingan
Seperti semua ubat, VIAGRA boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan-kesan ini biasanya bersifat ringan hingga sederhana.

Sekiranya anda mengalami mana-mana kesan berikut, hentikan penggunaan VIAGRA dan maklumkan kepada doktor anda dengan segera:

- Sakit kepala
- Pening
- Pandangan kabur
- Gangguan penglihatan
- Masalah penglihatan yang menyebabkan semua objek kelihatan berwarna biru (*cyanopsia*)
- Kulit hangat dan kemerahan
- Hidung tersumbat
- Loya
- Ketakhadaman

Sekiranya mana-mana kesan sampingan ini menjadi serius, atau jika anda menyedari sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my

[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan VIAGRA

- Penyimpanan

Jauhkan ubat daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C.

Simpan dalam bungkusan asal bagi melindunginya daripada kelembapan.

Jangan gunakan VIAGRA selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir dalam bulan

tersebut.

- Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak

diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet VIAGRA bersalut filem kelihatan berwarna biru dan berbentuk berlian dengan sudut yang dibulatkan. Ia mempunyai perkataan "VIAGRA" pada satu permukaan dan "VGR 50" atau "VGR 100" pada permukaan yang satu lagi. Tablet dibekalkan dalam kepingan blister PVC/Aluminium dalam kotak yang mengandungi 1 atau 4 tablet.

Tidak semua saiz pek dan kekuatan tablet dipasarkan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bahan aktif ialah sildenafil. Setiap tablet mengandungi 50 mg atau 100 mg sildenafil (sebagai sitrat).

- Bahan tidak aktif
microcrystalline cellulose, calcium hydrogen phosphate (anhydrous), croscarmellose sodium, magnesium stearate, hydroxypropyl methylcellulose (hypromellose), titanium dioxide (E171), lactose, triacetin, FD & C Blue #2 aluminum lake (indigo carmine aluminium lake (E132)).

VIAGRA[®] TABLETS

Sildenafil Citrate (50 mg, 100 mg)

- *Nombor MAL:*

Nama produk	Nombor pendaftaran
Viagra 50 mg Tablet	<u>MAL20012710ACRZ</u>
Viagra 100 mg Tablet	<u>MAL20012711ACRZ</u>

Pengilang

Viagra 50 mg and 100 mg:
Fareva Amboise,
Zone Industrielle
29 Route des Industries,
37530 Poc  -sur-Cisse
France.

Pemegang Pendaftaran

Produk

Viatrix Sdn Bhd
15-03 & 15-04, Level
15, Imazium,
No. 8, Jalan SS 21/37,
Damansara Uptown,
47400 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

27/05/2024

Nombor Siri

NPRA(R1/4)10062024/111

PLD-VIAGRA-0524